

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24/11/2010

Menang Galas, Batu Sapi bukan jaminan untuk BN

CHUKAI: Kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas dan Parlimen Batu Sapi pada 4 November lalu tidak harus dijadikan sandaran kuat untuk BN mengadakan Pilihan Raya Umum ke-13 dalam tempoh terdekat, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, BN dan UMNO masih mempunyai masa panjang untuk terus mengatur program bagi mengukuh dan mengembalikan keyakinan serta penerimaan rakyat terhadap parti pemerintah itu.

"Bukan itu (kemenangan di Batu Sapi dan Galas) sebagai penentu. Kita dapat kemenangan di satu-satu tempat, ia tidak boleh dijadikan ukuran keseluruhan, tetapi adakah sama di kawasan lain?"

"Jadi saya fikir, kepemimpinan yang tahu keadaan, mereka harus buat kajian dan penentuan tarikh," katanya selepas menyampaikan Syarahan Perdana

BH-24/11/2010
"BN dan UMNO masih mempunyai masa panjang untuk terus mengatur program bagi mengukuh dan mengembalikan keyakinan serta penerimaan rakyat"

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

'Cabaran Umat Islam Masa Kini' anjuran Institut Pembangunan Terengganu (TDI) dengan kerjasama Agensi Pembangunan Masyarakat Terengganu (APMT) di sini, semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Tengku Putera Awang; Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Dr Abdul Rahman Mokhtar



ORANG ramai bersalam dengan Dr Mahathir yang diiringi Ahmad pada syarahan di Dewan Berlian, Chukai, semalam.

antara yang hadir pada syarahan dihadiri lebih 5,000 orang itu.

Beliau yang buat kali pertama muncul di khalayak menyampaikan syarahan selepas dimasukkan ke Hospital Epwort, Melbourne, Australia awal Oktober lalu kerana jangkitan kuman berkata, UMNO dan BN patut menggunakan masa yang ada untuk meraih sokongan rakyat bagi memperkukuh

kedudukan parti.

"Saya ingat ada masa banyak lagi untuk parti politik berusaha dapatkan sokongan (rakyat), termasuk UMNO dan BN. Kalau saya jadi PM (Perdana Menteri) saya tunggu dulu," katanya.

Ditanya sama ada wajar PRU ke-13 diadakan serentak dengan pilihan raya Sarawak, Dr Mahathir berkata, Sarawak tiada pilihan berikutan pilihan raya negeri

itu perlu diadakan sebelum Mei depan, berbanding PRU yang masih panjang.

Terdahulu dalam syarahannya Dr Mahathir berkata, sudah tiba masanya parti kecil (Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan PAS) dibubarkan dan menasihatkan pengikut parti itu bertaubat serta kembali ke pangkal jalan dengan menyokong UMNO dan BN yang banyak berjasa pada negara.